

Jurnal Personalia Pelajar 19(1)(2016): 75-85

Tahap Daya Tahan dalam Kalangan Pelajar IPTA di Malaysia dan di Luar Negara
(*Level of Resilience amongst Public University Students in Malaysia and Overseas*)

IRMOHIZAM IBRAHIM & MUHAMMAD HUSSIN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap daya tahan dan dimensi daya tahan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. Aspek dimensi daya tahan meliputi keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan dalam daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan beberapa faktor demografi. Aspek demografi yang diliputi terdiri dari jantina, lokasi institusi, lokasi tempat tinggal dan pendidikan ibubapa. Kedua-dua aspek tinjauan tahap daya tahan dan mengenalpasti perbezaan ini diperolehi dari data-data yang dikutip melalui soalselidik. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. Sejumlah 520 sampel kajian dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kuantitatif dengan sokongan kaedah kualitatif melalui kaedah temubual kumpulan fokus bagi menjelaskan lebih mendalam dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis kuantitatif. Ini termasuk menghuraikan lima dimensi yang di ambil dalam tahap daya tahan pelajar. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Min skor dimensi daya tahan diukur dan dibincangkan berdasarkan profil subjek. Ujian-t pula digunakan bagi meninjau perbezaan dalam daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan faktor demografi. Dapatan kajian menunjukkan daya tahan dan dimensi daya tahan pelajar berada pada tahap yang tinggi kecuali disiplin diri yang berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan dalam daya tahan berdasarkan faktor jantina, lokasi IPT dan pendidikan ibubapa. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar IPTA mempunyai daya tahan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar IPT luar negara. Analisis kualitatif melalui perbincangan kumpulan fokus memberi indikasi bahawa daya tahan dilihat memberi impak kepada kepimpinan pelajar IPT.

Kata kunci : Daya tahan, kepimpinan pelajar, IPTA, IPT luar negara

ABSTRACT

This study is to survey the level and dimension of resilience of students in public institution of higher learning in Malaysia and overseas. Dimensional aspect of resilience include self-confident, -discipline, -ability, -control and -commitment. Beside, this study also aims at identifying the difference in the resilience and dimension of resilience based on the demographic factors. The demographic aspects being covered are gender, location of institution and parent education. Both aspects of conducting survey and identifying those differences are obtained by collecting the data through questionnaires. Respondents are student of public university in Malaysia and overseas. A total of 520 respondents are randomly selected. This study applies the quantitative approach with the support of qualitative method based on the method of interview amongst the focus group in order to explain in depth the finding obtained from qualitative analysis. This includes the explanation of five dimensions taken from the level of student resilience. Research finding are analyzed using statistical descriptive and inferences. Min score for resilience dimension are measured and discussed according to the subject profile. T-test is used to determine the differences between resilience and level of resilience of student based on the demographic factor. Research finding shows that the resilience and dimension of resilience lie at a higher level except the self-discipline which lies at a moderate level. This research finding also shows that institution of higher learning students in Malaysia have higher level of resilience compared to those from institution of higher learning in oversea. Quantitative analysis through discussion amongst focus group provides an indication that resilience in seen as giving impact on the leadership of student of institution of higher learning.

Keywords: Resilience, student leadership, public institution of higher learning, foreign institution of higher learning

PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. Melalui kajian ini aspek-aspek daya tahan diadaptasi dari model yang diasaskan oleh Masten dan Reed (2002). Daya tahan merujuk kepada kemampuan menghadapi sesuatu perjalanan hidup (Covey 1989). Menurut Azman (2014) dalam Block dan Lyons (1996) telah memberi maksud daya tahan sebagai kemampuan umum yang melibatkan penyesuaian diri yang tinggi dan luwes saat berhadapan dengan tekanan internal mahupun eksternal. Menurut beliau lagi yang memetik pandangan Grotberg (1995) bahawa daya tahan merupakan kapasiti yang bersifat universal iaitu mampu melawan pengaruh yang boleh menghalang diri daripada menerima kegagalan.

Terdapat beberapa pandangan berhubung dengan teori daya tahan. Vakola *et. al* (2004) menyatakan bahawa pada asasnya daya tahan seseorang itu dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara yang utama ialah faktor genetik iaitu melalui ciri personaliti dan kepintaran emosi yang boleh dipelajari dan memberi kesan terhadap daya tahan seseorang. Beliau juga percaya sejajar dengan perkembangan semasa, daya tahan merupakan tingkah laku dan sikap yang boleh dipelajari.

Pengurusan fokus dalam aktiviti kerja adalah melibatkan perancangan, menganjurkan, membuat anggaran, kerta kerja, masa pengawalan, penyelarasan, strategi, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Kesemua itu tidak mencukupi untuk membawa kepada kejayaan organisasi. Menurut By (2005), organisasi seharusnya mampu adaptasi dengan perubahan yang drastik (positif atau negatif) dan perkembangan. Dengan itu, mereka memerlukan kepimpinan yang kukuh untuk mempengaruhi, menetapkan arah tuju, kaunseling, melatih, penyelarasan, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan membantu tenaga pekerja untuk terus berkembang serta seiring jalan dengan perubahan. Melalui aspek pengurusan ia melibatkan ketahanan daya tahan pelajar dalam menguruskan setiap permasalahan yang wujud ke atas perancangan sesuatu projek. Bagi menyelesaikan isu ketahanan pelajar ke atas pengurusan aktiviti di IPTA maka kriteria yang diperlukan harus diterapkan kepada diri pelajar di IPTA dan.

Aspek daya tahan yang diadaptasi dari model Masten dan Reed (2002) menekankan kepada 5 elemen utama bagi menggambarkan tahap daya tahan pelajar iaitu keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Model ini mengemukakan empat elemen iaitu elemen sendiri, elemen bersama

rakan, elemen membina budaya daya tahan dan elemen navigasi acara. Menurut model kajian ini, kejayaan dalam sesuatu pekerjaan bergantung kepada faktor asas dan faktor proksimal. Faktor asas terdiri daripada personaliti (kendiri) dan modal insan. Personaliti terdiri daripada ciri-ciri dan keupayaan kognitif mereka. Manakala modal insan terdiri daripada kepakaran, pengalaman, pendidikan dan latihan, pengetahuan serta kemahiran individu. Penggabungan faktor asas dapat memberi impak terhadap faktor proksimal yang terdiri daripada kognisi, proses tindakan, motivasi dan kepimpinan. Dalam model Masten dan Reed (2002) ini, model daya tahan mempunyai lima dimensi yang diambil berdasarkan komponen kecekapan sendiri, kecekapan kognisi dan kecekapan sosial. Daya tahan elemen kecekapan sendiri terdiri daripada ciri-ciri personaliti seperti optimis, ketabahan serta kecergasan dalam aspek mental, fizikal dan rohaniah. Ciri-ciri personaliti ini amat memberi kesan dinamik terhadap pembentukan dan kejayaan dalam sesuatu pekerjaan (Baum *et. al* 2001; Rauch dan Frese 2000).

Kajian ini membuka lembaran baru dengan menerokai elemen yang mempengaruhi daya tahan pelajar. Aspek-aspek literatur yang diterangkan dalam kajian ini menggunakan literatur penyelidikan gerontologi dan ontologi yang cuba dikaitkan dengan persepsi terhadap kemampuan pelajar boleh dilihat dari sudut orientasi politik, daya tahan dan kepimpinan. Di samping itu, penerangan tentang tahap daya tahan seorang pelajar dihuraikan di dalam kajian ini, yang sepatutnya menjadi asas dalam diri pelajar di Malaysia dan pelajar Malaysia yang berada di luar negara. Oleh itu kajian ini telah memberi sumbangan literatur yang membolehkan pengkaji-pengkaji lain membuat lanjutan kajian dalam bidang tahap daya tahan pelajar di kalangan pelajar Malaysia, tidak di dalam mahupun di luar negeri.

Menurut Masten *et. al* (1990) daya tahan adalah "proses kebolehan untuk berjaya dalam penyesuaian tanpa mengira keadaan yang mencabar atau terdapat ancaman." Daya tahan adalah satu perkataan yang secara etimologinya berasal dari "*salire*" yang berasal dari perkataan Latin. Ini bermakna untuk '*spring up/come up*' atau muncul ke atas. Perkataan asal '*salire*' ini juga bersangkutan dengan '*resilire*' yang bermakna pantulan semula atau *spring back*. Perkataan ini digunakan untuk merujuk kepada keanjalan sesuatu perkara. Oleh yang demikian, daya tahan boleh dianggap sebagai kebolehan untuk pantul semula dan dengan itu boleh bertahan dengan kesusahan (Davidson *et al.* 2000) dan individu yang bertahan dengan keupayaan, yang boleh digelar sebagai 'tabah', 'tidak lemah' atau 'kebal' (Werner dan Smith 1982) dan juga 'berdaya tahan'.

Secara teoritis kajian ini dapat memberikan sumbangan pemikiran terhadap pembangunan pelajar. Penggunaan teori dan model ilmu pendidikan psikologi, sosiologi dan pengurusan melengkapkan keseluruhan kajian. Seterusnya, kajian ini dapat memperkenalkan pengaruh elemen daya tahan terhadap kualiti kepimpinan pelajar Malaysia. Selain daripada itu, kepentingan kajian ini bertitik tolak daripada dasar pendidikan negara melalui misi dan matlamat yang telah dirangka. Kejayaan dalam menyediakan gunatenaga masa depan bergantung kepada perancangan masa kini. Dalam hal ini, perancangan harus terfokus kepada pembinaan seorang pelajar yang mempunyai daya ketahanan diri, bersahsiah terpuji dan tahu berbudi kepada masyarakatnya. Dalam Pelan Strategik UKM (2000), terdapat 3 komponen diberi perhatian iaitu pembimbingan dalam pembinaan ilmu, pewujudan suasana peradaban dan persekitaran yang merangsang pengamalan ilmu. Aspek dalam komponen kedua yang menekankan kepada pewujudan suasana peradaban berkaitan langsung dengan nilai-nilai psikologi yang berkaitan dengan dimensi kajian ini. Kesimpulannya, dapatan kajian ini akan menggambarkan sejauh manakah pelajar bersedia menerima peranan yang diharapkan terhadap mereka dari daya tahan yang ada pada diri seorang pelajar Malaysia.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. Ini termasuk menghuraikan lima kriteria yang di ambil dalam tahap daya tahan pelajar. Terdapat lima daya tahan yang ditekankan didalam kajian ini iaitu yakin diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawal diri dan tekad diri. Adalah dipercayai daripada semua kriteria ini dapat membantu memperbaiki atau menambah baikkan tahap daya tahan yang harus diterapkan di kalangan pelajar IPTA dan di luar negara untuk menjadi seseorang yang bersifat kepimpinan.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap daya tahan pelajar-pelajar IPTA tempatan dan luar negara. Disamping itu, objektif kajian ini juga ialah untuk meninjau perbezaan dalam daya tahan berdasarkan faktor demografi dan faktor-faktor yang menyumbang kepada aspek daya tahan ini.

Oleh itu, kajian ini akan menjawab soalan

berikut:

- i. Apakah tahap daya tahan dan dimensi daya tahan pelajar-pelajar IPTA tempatan dan luar negara?
- ii. Adakah terdapat perbezaan dalam daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan faktor demografi?

METODOLOGI

Sampel dalam kajian ini terdiri dari pelajar IPTA dan pelajar Malaysia diluar negara. Bilangan populasi kajian ini melibatkan keseluruhan pelajar IPTA dan pelajar Malaysia diluar negara. Teknik pensampelan dan kaedah penetapan saiz dilakukan setelah populasi kajian dikenalpasti. Dalam kajian ini, teknik persampelan yang diaplikasikan ialah pensampelan rawak berstrata. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) dan disokong oleh pandangan Gay dan Airasian (2003), bilangan sampel minima yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 384 bagi mewakili 1,000,000 populasi. Oleh itu bilangan 440 sampel pelajar IPTA adalah mencukupi manakala 80 pelajar Malaysia diluar negara digunakan sebagai asas perbandingan bagi meninjau jika terdapat perbezaan antara pelajar dalam negara dengan pelajar Malaysia diluar negara. Analisis terhadap pelajar Malaysia di luar negara tidak dilakukan secara berasingan memandangkan bilangan sampel yang tidak mencukupi bagi mewakili populasi pelajar Malaysia di luar negara.

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif digunakan dengan sokongan kaedah temubual kumpulan fokus bagi menjelaskan lebih mendalam dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis kuantitatif. Gabungan penggunaan dua kaedah ini amat penting bagi mengukuhkan dapatan kajian terdahulu dan bagi mengesahkan kebenaran dapatan kuantitatif. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif (Neuman 1993). Tatacara pengkajian dimulakan dengan pembinaan mengenalpasti latarbelakang kajian dan seterusnya permasalahan kajian. Permasalahan kajian harus berfokus kepada mengenalpasti masalah sebenar dan bukannya simptom atau petanda masalah. Jenis tinjauan yang digunakan dalam kajian ini ialah tinjauan semasa atau keratan lintang (*cross-sectional survey*) yang memungut data sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa (Creswell 2005). Instrumen soal selidik sebagai alat kajian utama dalam kajian ini telah digunakan untuk mengkaji daya tahan pelajar.

Pelajar universiti penyelidikan mewakili 54.2% manakala pelajar universiti bukan penyelidikan

mewakili 30.5% manakala selebihnya adalah pelajar universiti luar negara. Pengukuran aspek daya tahan pelajar melibatkan 62 item bagi mengukur 5 aspek daya tahan pelajar yang meliputi sub dimensi keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Skor min bagi tahap daya tahan di bandingkan dan dibincangkan mengikut lima dimensi daya tahan. Dapatan min dimensi daya tahan adalah berdasarkan IPT, jantina, tempat tinggal, zon tempat tinggal, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, pendidikan bapa dan pendidikan ibu.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melaporkan dapatan berhubung tahap daya tahan pelajar mengikut dimensi berdasarkan yakin diri, disiplin, keyakinan diri, kawalan diri dan tekad diri. Tanda aras ini secara empirikalnya membuktikan lima dimensi ini memberi kesan pada tahap daya tahan pelajar.

Pengukuran aspek daya tahan pelajar melibatkan 60 item bagi mengukur lima aspek daya tahan pelajar yang meliputi sub dimensi keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Bagi mengukur tahap daya tahan keyakinan diri pelajar 17 soalan telah diajukan. Antara soalan yang ditanya adalah berkaitan sejauh mana pelajar bersedia dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Seterusnya, terdapat tujuh soalan yang telah diajukan kepada pelajar selaku responden dalam menilai tahap daya tahan disiplin diri pelajar tersebut. Melalui bidang ini pelajar diajukan soalan tentang tahap kebergantungan pelajar terhadap orang untuk mereka mencapai apa yang diinginkan. Selain itu, dari segi pembahagian masa, tugas kerja dan perancangan aktiviti samaada dibuat secara tersusun dan berkala.

Dari segi tahap daya tahan kemampuan diri responden terdapat 16 soalan berkaitan telah diberikan. Soalan diajukan tentang penerimaan responden terhadap pandangan orang lain. Selain itu, sejauh mana pelajar menerima sesuatu kegagalan dan samada pelajar tahu apa yang perlu dilakukan mengikut situasi. Sembilan soalan berkaitan dengan tahap daya tahan kawalan diri responden telah diajukan. Dalam aspek ini, pelajar ditanya tentang tahap kesediaan pelajar dalam mencapai sesuatu perkara yang diinginkan dan sejauh mana pelajar itu bersedia dalam menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran. Manakala, 14 soalan berkaitan dengan tahap daya tahan tekad diri pelajar. Soalan tersebut diajukan untuk menilai sejauh mana tahap kemampuan pelajar dalam menyelesaikan masalah dan memandang ke hadapan untuk menghadapi cabaran dan mencapai cita-cita akan datang.

Analisis data menunjukkan peratusan yang hampir seimbang walaupun pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Dari jumlah sampel kajian, seramai 248 adalah pelajar lelaki atau 47.7% manakala bakinya seramai 272 atau 52.3% adalah pelajar perempuan. Walaupun berdasarkan perangkaan bilangan pelajar perempuan jauh mengatasi bilangan pelajar lelaki di universiti awam, namun keseimbangan sampel masih mewakili populasi kajian ini. Analisis jadual berdasarkan umur sampel yang dikaji, menunjukkan majoriti pelajar adalah pelajar ijazah pertama. Taburan bilangan pelajar berdasarkan universiti dalam dan luar negeri menunjukkan 84.6% mewakili pelajar dalam malaysia manakala 15.4% mewakili pelajar malaysia di luar negeri.

Jadual 1 menunjukkan min skor bagi daya tahan dan dimensi daya tahan bagi sampel kajian. Analisis Jadual 1 menunjukkan daya tahan dan dimensi daya tahan pelajar berada pada tahap yang tinggi kecuali dimensi disiplin diri yang berada pada tahap sederhana.

JADUAL 1. Skor Min Daya tahan

Daya Tahan (N = 520)	Min	Sisihan Piawai
Daya Tahan	3.76	0.440
Yakin Diri	3.78	0.521
Disiplin Diri	3.50	0.620
Kemampuan Diri	3.78	0.515
Kawalan Diri	3.92	0.596
Tekad Diri	3.81	0.537

Jadual 2 pula menunjukkan min, sisihan piawai dan perbezaan hasil ujian-t dalam daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan faktor jantina. Analisis

jadual menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam daya tahan ($t = 3.211$; $p < .01$), yakin diri ($t = 2.877$; $p < .01$), kemampuan diri ($t = 2.982$; $p < .01$) dan

tekad diri ($t = 2.546$; $p < .01$) berdasarkan faktor jantina. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi dimensi kawalan diri ($p = .066$). Pelajar lelaki menunjukkan

tahap daya tahan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

JADUAL 2. Ujian-t Daya Tahan dan Dimensi Daya Tahan Berdasarkan Faktor Jantina

Dimensi	Jantina	N	Mean	Sp	T	Sig
Daya Tahan	Lelaki	248	3.82	.439	3.211	.001
	Perempuan	272	3.70	.435		
Yakin Diri	Lelaki	248	3.84	.522	2.877	.004
	Perempuan	272	3.71	.512		
Disiplin Diri	Lelaki	248	3.57	.652	2.504	.013
	Perempuan	272	3.44	.583		
Kemampuan Diri	Lelaki	248	3.84	.523	2.982	.003
	Perempuan	272	3.71	.501		
Kawalan Diri	Lelaki	248	3.97	.666	1.840	.066
	Perempuan	272	3.87	.521		
Tekad Diri	Lelaki	248	3.87	.512	2.546	.011
	Perempuan	272	3.75	.554		

Jadual 3 menunjukkan min, sisihan piawai dan hasil ujian-t daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan lokasi IPT. Analisis jadual menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam daya tahan ($t = 2.548$; $p < .01$), disiplin diri ($t = 4.446$; $p < .01$) dan kawalan diri ($t = 2.003$; $p < .05$) berdasarkan lokasi IPT.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam dimensi yakin diri, kemampuan diri dan tekad diri. Dalam aspek daya tahan, pelajar IPTA mempunyai daya tahan yang lebih tinggi dari pelajar IPT luar negara.

JADUAL 3. Ujian-t Daya Tahan dan Dimensi Daya Tahan Berdasarkan Lokasi IPT

Dimensi	IPTA dan LN	N	Min	Sp	T	Sig
Daya Tahan	IPTA	440	3.78	.452	2.548	.011
	LN	80	3.64	.348		
Yakin Diri	IPTA	440	3.79	.536	1.502	.134
	LN	80	3.70	.423		
Disiplin Diri	IPTA	440	3.55	.609	4.446	.000
	LN	80	3.22	.609		
Kemampuan Diri	IPTA	440	3.79	.524	1.645	.101
	LN	80	3.68	.458		
Kawalan Diri	IPTA	440	3.94	.610	2.003	.046
	LN	80	3.80	.498		
Tekad Diri	IPTA	440	3.81	.496	.109	.913
	LN	80	3.80	.726		

Jadual 4 menunjukkan hasil ujian-t daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan lokasi tempat tinggal (bandar dan luar bandar). Analisis jadual

menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesemua dimensi yang dikaji berdasarkan lokasi tempat tinggal pelajar.

JADUAL 4. Ujian-t Daya Tahan dan Dimensi Daya Tahan Berdasarkan Lokasi Tempat Tinggal

Dimensi	Tempat Tinggal	N	Mean	Sp	T	Sig
Daya Tahan	Bandar	374	3.77	.441	.0228	.902
	Luar Bandar	146	3.73	.439		
Yakin Diri	Bandar	374	3.78	.519	.0268	.129
	Luar Bandar	146	3.77	.526		
Disiplin Diri	Bandar	374	3.49	.617	.0319	.483
	Luar Bandar	146	3.52	.630		
Kemampuan Diri	Bandar	374	3.79	.501	.0259	.437
	Luar Bandar	146	3.72	.548		
Kawalan Diri	Bandar	374	3.94	.627	.0324	.495
	Luar Bandar	146	3.86	.503		
Tekad Diri	Bandar	374	3.82	.557	.0288	.101
	Luar Bandar	146	3.76	.481		

Jadual 5 menunjukkan hasil ujian-t daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan faktor pendidikan bapa. Analisis jadual menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi daya tahan ($t = -3.836$; $p < .01$) dan semua dimensi daya tahan kecuali bagi dimensi

kawalan diri ($p = .125$) berdasarkan pendidikan bapa. Pelajar yang bapanya berpendidikan university mempunyai daya tahan yang lebih tinggi berbanding dengan bapa yang berpendidikan sekolah.

JADUAL 5. Ujian-t Daya Tahan dan Dimensi Daya Tahan Berdasarkan Pendidikan Bapa

Dimensi	Pendidikan Bapa	N	Min	Sp	T	Sig
Daya Tahan	Sekolah	266	3.68	.422	-3.836	.000
	Universiti	230	3.83	.442		
Yakin Diri	Sekolah	266	3.70	.498	-3.854	.000
	Universiti	230	3.87	.534		
Disiplin Diri	Sekolah	266	3.42	.555	-2.682	.008
	Universiti	230	3.57	.665		
Kemampuan Diri	Sekolah	266	3.69	.499	-3.523	.000
	Universiti	230	3.86	.525		
Kawalan Diri	Sekolah	266	3.88	.642	-1.536	.125
	Universiti	230	3.96	.531		
Tekad Diri	Sekolah	266	3.72	.544	-3.653	.000
	Universiti	230	3.90	.518		

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian-t daya tahan dan dimensi daya tahan berdasarkan pendidikan ibu. Analisis jadual menunjukkan terdapat perbezaan dalam daya tahan ($t = -3.750$; $p < .01$) dan semua dimensi daya

tahan berdasarkan pendidikan ibu (pendidikan sekolah dan ijazah). Aliran yang sama dengan pendidikan bapa didapati terdapat pada pendidikan ibu.

JADUAL 6. Ujian-t Daya Tahan dan Dimensi Daya Tahan Berdasarkan Pendidikan Ibu

Dimensi	Pendidikan Ibu	N	Min	Sp	T	Sig
Daya Tahan	Sekolah	278	3.69	.396	-3.750	.000
	Universiti	214	3.84	.479		
Yakin Diri	Sekolah	278	3.70	.479	-3.448	.001
	Universiti	214	3.87	.563		
Disiplin Diri	Sekolah	278	3.43	.594	-3.011	.003
	Universiti	214	3.59	.621		
Kemampuan Diri	Sekolah	278	3.70	.491	-3.068	.002
	Universiti	214	3.84	.542		
Kawalan Diri	Sekolah	278	3.87	.605	-2.154	.032
	Universiti	214	3.99	.572		
Tekad Diri	Sekolah	278	3.73	.443	-3.145	.002
	Universiti	214	3.89	.636		

PERBINCANGAN

Daya Tahan

Pengukuran aspek daya tahan pelajar melibatkan 5 sub dimensi daya tahan pelajar yang meliputi keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Konsep daya tahan ini memberi maklumat yang berguna dalam usaha membina kerangka kekuatan manusia. Pada abad ke-20 daya tahan merupakan tingkah laku dan sikap yang boleh dipelajari. Selain itu, memiliki daya tahan boleh dipelajari sendiri dan tidak semestinya dilatih walaupun latihan berupaya meningkatkan aspek daya tahan (Norris 2010).

Keyakinan Diri

Bagi mengukur tahap daya tahan dari segi keyakinan diri pelajar, sebanyak 16 soalan telah diajukan. Antara soalan yang telah diajukan adalah berkaitan sejauh mana pelajar bersedia dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Richardson (2002) melalui teori daya tahan menghuraikan tiga peringkat kajian tentang daya tahan. Peringkat pertama mengenali kualiti daya tahan yang selamat terutamanya golongan muda dalam situasi kehidupan berisiko tinggi. Peringkat kedua tentang teori mengkaji bagaimana seseorang mencapai kualiti-kualiti daya tahan. Seterusnya, peringkat ketiga teori melihat kepada aspek motivasi dalaman seseorang mengharungi kesusahan dan berdaya tahan. Dalam kajian ini, nilai yakin diri dalam membantu rakan-rakan lain turut ditanya untuk menyelesaikan masalah dan cabaran yang dihadapi sahabat pelajar tersebut dan bantuan daripada rakan dalam membantu menyelesaikan masalah emosi yang dihadapinya.

Melalui dapatan kajian, responden mempunyai tahap daya tahan tekad diri yang tinggi pada skor min 3.81. Di antara kelima-lima aspek daya tahan, daya tahan disiplin diri menunjukkan skor min yang sederhana pada 3.50.

Daya tahan berfokus kepada bagaimana manusia mengharungi kesusahan dalam kehidupan yang dialami. Seterusnya, menerangkan bagaimana manusia menangani cabaran yang getir dan dapat merubah kehidupan mereka seperti kematian orang tersayang, diberhentikan kerja, ditimpa penyakit serius, ancaman musuh negara dan kejadian-kejadian trauma. Tahap emosi yang kuat diperlukan untuk menangani setiap masalah ini. Dalam mengharungi segala kepayahan emosi, penglibatan daya tahan seseorang sangat diperlukan (Agaibi dan Wilson 2005).

Daya tahan memerlukan masa, usaha dan bantuan orang lain. Dapatan kajian menunjukkan daya tahan dari aspek keyakinan diri pelajar bandar dan luar bandar berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 3.78 dan 3.77. Ini menunjukkan pelajar yang berdepan masalah mempunyai sifat keyakinan yang tinggi. Daya tahan seseorang akan mampu mengharungi kehidupan dalam mencari hasrat diri seterusnya dapat melahirkan rasa keyakinan diri yang kuat. Aspek keyakinan diri sebagai sebahagian elemen daya tahan selari dengan pandangan oleh Cicchetti dan Rogosch (1997) yang menegaskan bahawa disamping daya tahan, kemampuan mengorganisasi aktiviti mampu meningkatkan daya tahan dalam menghadapi sesuatu situasi.

Dapatan temubual juga menunjukkan tahap yakin diri pelajar yang bapanya bekerja di sector kerajaan adalah paling tinggi dengan skor min 3.86. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Vakola *et*

al. (2004) yang mendapati bahawa daya tahan dipengaruhi oleh faktor genetic melalui ciri personaliti dan kepintaran emosi yang boleh dipelajari dan memberi kesan terhadap daya tahan seseorang.

Disiplin Diri

Melalui kajian yang dijalankan, terdapat 7 soalan yang telah diajukan kepada pelajar selaku responden dalam menilai tahap daya tahan disiplin diri pelajar tersebut. Melalui item ini pelajar diajukan soalan tentang tahap kebergantungan mereka terhadap orang lain untuk mereka mencapai apa yang diinginkan. Dapatan kajian menunjukkan tahap daya tahan disiplin diri pelajar IPT luar negara adalah yang paling rendah dengan skor min 3.22. Pelajar IPT dalam negara pula berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.55.

Bagi melahirkan disiplin diri setiap pelajar, maka pembahagian masa, tugas kerja dan perancangan aktiviti perlu dibuat secara tersusun dan berskala. Dapatan menunjukkan tahap disiplin pelajar IPT dalam negara lebih tinggi daripada pelajar IPT luar negara. Mengikut teori penetapan matlamat Locke (Locke 1968) kombinasi kesukaran matlamat dan tahap komitmen seseorang individu untuk mencapai matlamat akan mengawal tahap usaha yang dihasilkan. Penetapan tahap komitmen atau tempoh waktu untuk menyelesaikan sesuatu tugas akan menghasilkan prestasi yang lebih baik daripada seseorang yang tidak mempunyai matlamat yang ditetapkan. Bagi Locke (1968) berpendapat jika seseorang yang mempunyai matlamat yang sukar akan menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang berbanding dengan individu yang mempunyai matlamat yang senang dan mudah.

Soalan kajian juga menyentuh tentang kepentingan diri samada pelajar mementingkan diri sendiri atau mengambil kira kepentingan orang lain untuk membuat sesuatu keputusan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai aspek daya tahan disiplin diri pada tahap sederhana dengan skor min 3.51. Penelitian dari segi tempat tinggal pelajar juga mempunyai tahap disiplin yang rendah walaupun berada di tahap yang sederhana dengan skor min 3.52.

Dapatan kajian dari kaedah temubual secara mendalam juga diajukan kepada responden kajian. Responden diajukan soalan dari aspek bekerja lebih masa iaitu tentang kesanggupan responden untuk bekerja lebih dari waktu yang telah ditetapkan. Hasil temu bual menunjukkan masa boleh dimanfaatkan sekiranya kita bekerja dengan komitmen dan fokus yang tinggi. Tugas yang diterima boleh diselesaikan tanpa menghabiskan masa berjam-jam, walaupun

tugas yang diterima sememangnya setimpal dengan masa yang ada. Masa perlu setimpal kerana peruntukan masa juga diperuntukkan ketika dirumah. Teori agihan masa juga menerangkan bahawa masa boleh diagihkan sama ada untuk bekerja atau tidak bekerja yang dikenali sebagai masa liburan.

Kemampuan Diri

Dalam aspek daya tahan kemampuan diri, hasil kajian mendapati skor min bagi kemampuan diri berada pada min 3.78. Dalam menilai tahap daya tahan kemampuan diri ini, responden kajian ini telah mengajukan 16 soalan berkaitan. Soalan diajukan melibatkan juga kemampuan responden untuk menerima pandangan orang lain. Selain itu, sejauh mana pelajar menerima sesuatu kegagalan dan sama ada pelajar tahu apa yang perlu dilakukan mengikut situasi. Secara ringkas dapat diterangkan teori daya tahan mengajar keupayaan dalam menghadapi kesukaran yang mendatang. Daya tahan penting dalam sesuatu organisasi. Pada masa sekarang organisasi sangat memerlukan individu yang mempunyai daya tahan yang mantap, individu yang cepat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan, individu yang dapat mengubah haluan dan bangkit kembali selepas kejatuhan atau kegagalan. Menurut Coutu (2000), individu yang berdaya tahan dan mampu bertahan ialah individu yang dapat memuaskan kehendak pelanggan secara segera, bertindak pantas menghadapi masalah dan tidak melepaskan sebarang peluang.

Ketahanan diri itu menjadi asas kepada daya tahan seseorang. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Khoshaba dan Maddi (1999) terhadap kumpulan individu yang berdaya tahan didapati mempunyai sikap yang teguh dalam 3C iaitu penglibatan (*commitment*), penguasaan (*control*) dan cabaran (*challenge*). Dengan memiliki 3C ini, maka ia menggalakkan individu berhadapan dengan sebarang bencana. Kemampuan diri dapat dihasilkan menerusi motivasi dari 3C ini. Ketahanan diri yang kuat mampu berdepan dengan tekanan berbanding berserah semata-mata dengan masalah. Kemampuan diri juga merujuk kepada kekuatan dalaman seperti kekuatan emosi, mental, fizikal dan moral.

Dapatan kajian menunjukkan tahap daya tahan kemampuan diri pelajar dari Utara adalah yang tertinggi daripada zon-zon yang lain dengan skor min 3.98. Menerusi kriteria pekerjaan bapa, pekerja swasta yang berniaga menunjukkan daya tahan kemampuan diri skor min yang tinggi iaitu 3.76. Ini menunjukkan tahap daya tahan kemampuan diri pelajar untuk berhadapan dengan masalah adalah tinggi. Setiap

cabaran yang tidak terduga dapat diselesaikan dengan segera jika ketahanan daya tahan yang kuat mampu dilakukan. Ciri-ciri daya tahan yang baik meliputi kriteria seperti optimis, motivasi, fleksibiliti, kecergasan mental, kecergasan fizikal dan kekuatan rohani. Enam ciri daya tahan ini merupakan asas kemampuan diri pelajar dalam menangani tahap daya tahan diri. Menurut Armanurah et.al. (2014) menegaskan bahawa individu yang berdaya tahan mungkin mempunyai kekuatan rohani, mempunyai keinginan membara untuk mencapai sesuatu, tabah dalam mencapai usaha mereka, mempunyai kapasiti ketahanan yang baik dan percaya dalam kejayaan mereka.

Soalan tentang penerimaan orang lain terhadap responden juga turut disentuh untuk melihat samada pelajar ini mempunyai daya tahan kemampuan diri yang tinggi atau sebaliknya. Dapatan kajian menunjukkan responden menyatakan tidak sukakan masalah. Walaupun hampir semua menyatakan tidak sukakan masalah tetapi jika telah dihimpit dengan masalah, mereka berkemampuan untuk menyelesaikannya. Dalam kondisi ini jika tiada pilihan yang terbaik, maka tidak rugi jika berdepan terus dengan masalah.

Kemampuan diri juga diuji dengan masalah yang tiba-tiba datang. Dapatan kajian menunjukkan pandangan responden yang tidak sukakan masalah. Pertanyaan ini menerangkan tahap kebersediaan pelajar dalam memotivasikan diri sendiri dalam menangani perubahan persekitaran. Responden juga menerangkan kehidupan ini tidak bersistem. Kebergantungan terlalu kerap kepada sistem menyebabkan manusia menjadi sistematik. Sebagai contoh, kita perlu mengikut dasar yang telah disediakan kerajaan, Aspirasi negara, akhirnya pelajar-pelajar tidak dapat berdepan dengan dunia luar kerana terlalu bergantung pada landasan peperiksaan.

Kawalan Diri

Dapatan kajian menunjukkan tahap daya tahan kawalan diri pelajar berada pada tahap yang tinggi pada min skor 3.92. Melalui kajian kualitatif yang dijalankan, terdapat 8 soalan berkaitan dengan tahap daya tahan kawalan diri responden telah dikemukakan. Dalam aspek ini, pelajar ditanya tentang tahap kesediaan pelajar dalam mencapai sesuatu perkara yang diinginkan dan sejauh mana pelajar itu bersedia dalam menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran. Armanurah et.al. (2014) mencadangkan bahawa individu yang berdaya saing adalah individu yang mempunyai kecergasan mental. Mereka adalah individu yang yakin, yang boleh menunjukkan tenaga dan tahap kewaspadaan yang tinggi. Kecergasan mental yang baik mampu

mengawal diri. Seterusnya, mereka tidak cenderung untuk dipenuhi dengan masalah dan lebih cenderung untuk menjadi seseorang yang menyenangkan. Selain itu, kecergasan mental dianggap sebagai peramal penting untuk menjadi seseorang yang berdaya tahan. Tahap keinginan yang jelas perlu dibuat agar sasaran yang diimpikan dapat dilaksanakan (Krovetz 1999).

Soalan berkaitan tentang kepentingan peribadi juga telah disentuh iaitu samada pelajar tersebut berkawan dengan seseorang semata-mata untuk mencapai apa yang dikehendaki atau pun sebaliknya. Namun, soalan tentang rakan-rakan pelajar tersebut juga disentuh untuk menanyakan pendapat dan perkongsian rahsia. Golongan muda yang berdaya tahan dikenalpasti dengan membezakan mereka dari dasar sokongan sosial, pengalaman tekanan hidup dan ciri-ciri personaliti. Seterusnya, golongan ini memandang dunia luar untuk mencari sokongan luaran yang tidak formal dari rakan-rakan, saudara mara, ibu bapa, adik beradik, mentor-mentor dan guru-guru dan mengalami kurang tekanan keluarga berbanding dengan rakan mereka yang lain. Selain itu, golongan muda yang berdaya tahan memiliki lokus kawalan dalaman dan kecerdikan biasa dan juga mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.

Daripada hasil dapatan kajian dari aspek daya kawalan diri menunjukkan dapatan yang tinggi berbanding aspek lain. Lokus kawalan dan penegasan diri dilaporkan lebih tinggi di kalangan remaja lelaki berbanding perempuan. Hasil dapatan kajian berdasarkan tempat tinggal responden juga menunjukkan daya kawalan diri pelajar bandar mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar luar bandar. Dapatan juga menunjukkan pelajar IPT dalam negeri mempunyai kawalan diri yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar IPT luar negeri.

Hasil jawapan dari responden ada menerangkan perancangan yang rapi perlu dilakukan pada masa sekarang bukan menunggu di masa depan. Padanan impian mestilah sama dengan pencapaian yang dirancang. Benard (1992) menggambarkan ciri-ciri kanak-kanak yang berdaya tahan mempunyai kecekapan sosial, kemahiran menyelesaikan masalah, autonomi dan pemikiran untuk tujuan dalam masa depan. Selain itu, dalam menghadapi rintangan menghadapi keadaan yang tertekan maka tiga elemen yang perlu diterapkan ialah kawalan, komitmen dan cabaran. Responden dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri seperti suka merancang dan menyenaraikan apa yang perlu dilakukan, sedia untuk berkongsi rahsia dengan orang-orang tertentu dalam kalangan rakan-rakan dan gembira dalam menyelesaikan masalah.

Tekad Diri

Dapatan kajian menunjukkan daya tahan tekad diri kajian adalah pada tahap tinggi dengan min skor 3.81. Merujuk kepada kajian yang dijalankan terdapat 13 soalan berkaitan dengan tahap daya tahan tekad diri pelajar telah diajukan. Soalan tersebut diajukan untuk menilai sejauh mana tahap tekad diri pelajar dalam menghadapi cabaran dan mencapai cita-cita akan datang. Kajian juga menekankan tentang penerimaan pelajar tentang pandangan orang lain dan perancangan aktiviti yang telah dirangka. Daya tahan berasaskan tekad diri menilai pelajar IPT di Malaysia dan di luar negara mampu mengharungi cabaran yang mendatang kerana jika tiada tekad diri maka daya tahan diri pelajar akan menurun. Dapatan kajian menunjukkan skor min 3.81 dari segi tekad diri. Skor min menunjukkan pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan hubungan positif dalam kalangan pelajar dari segi daya tahan melalui ketekatan diri. Untuk mencapai kecemerlangan dari segi daya tahan maka individu tersebut harus beringat masa depan itu banyak cabarannya dan boleh ditempuh dengan hanya ketekatan diri yang tinggi untuk mencapainya. Ini dapat menjelaskan proses Masten (1994) yang menerangkan persekitaran individu akan berkembang dan meningkat melalui persepsi, penglibatan dan latihan yang dibekalkan oleh faktor-faktor kesukaran, tekanan dan ancaman, yang mana akhirnya menjadikan lebih berdaya tahan untuk meneruskan usaha dan mencapai kejayaan dalam apa jua cara.

Individu yang berdaya tahan menunjukkan ketekatan diri yang baik dalam menuju impian yang diimpikan. Dalam menuju kepada impian individu akan berdepan dengan cabaran. Cabaran mestilah berdepan risiko yang tidak dijangka. Kesukaran risiko menentukan nekad diri dalam mencapai daya tahan diri. Masten (2001) berpendapat bahawa individu-individu yang berdaya tahan menunjukkan penyesuaian yang berpadanan apabila terdedah kepada risiko tinggi atau sebarang kesukaran. Risiko dianggap sebagai hasil pemboleh ubah yang negatif, peramal hasil yang tidak memuaskan, penyakit kronik, status sosio-ekonomi yang rendah, berat lahir yang rendah, kemiskinan, kekurangan zat makanan, dan penganiayaan (Masten & Powell 2003). Ini bertentangan dengan satu lagi kajian (Masten 1994; 2001) yang menyatakan sesetengah penyelidik percaya bahawa risiko, penyesuaian, dan daya tahan adalah saling berkaitan antara satu sama lain.

Hasil dapatan kajian dalam temubual secara mendalam ada menyatakan kepercayaan dalam membuat keputusan dalam aktiviti berkumpulan.

Responden tidak menyatakan kepercayaan kepada pekerja bawahan kerana ketua merupakan individu yang mengetuai gerakan itu. Maka, jika ketua hanya menyuruh orang lain untuk membuat kerja maka ketua tidak berada pada tahap yang bersedia untuk menjawab sebarang soalan yang bakal terjadi keatas projek yang dilakukan. Daya tahan dalam suasana berkumpulan lebih mempunyai tekad diri yang baik kerana individu berdepan dengan individu lain untuk aktiviti pengurusan. Tetapi disini ketua bukanlah menjadi seseorang yang tidak menerima pandangan tetapi bersama sama pekerja menyelesaikan kerja yang perlu dilakukan. Individu perlu menjaga perasaan setiap individu lain. Keputusan bersama itu lebih baik. Hasil dapatan responden seterusnya memberikan pandangan tentang mengakui kesilapan secara terbuka. Tidak salah berdepan dengan kesilapan yang sememangnya silap kita sendiri. Ini akan menjadikan individu lebih berdaya tahan kerana mampu berdepan dengan cabaran dan masalah.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Aspek daya tahan yang diadaptasi dari model Masten dan Reed (2002) menekankan kepada 5 elemen utama bagi menggambarkan tahap daya tahan pelajar iaitu keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan melalui lima dimensi, memberi kesan kepada tahap daya tahan pelajar IPT. Aspek kawalan diri memberi lebih kelebihan dari lima elemen utama gambaran tahap daya tahan pelajar. Responden dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri seperti suka merancang dan menyenaraikan apa yang perlu dilakukan, sedia untuk berkongsi rahsia dengan orang-orang tertentu dalam kalangan rakan-rakan dan gembira dalam menyelesaikan masalah. Daya tahan dilihat memberi impak kepada kepimpinan pelajar IPT. Ini dimana tahap daya tahan yang tinggi akan memberi kesan pada mental seseorang. Jika ketahanan pelajar kuat maka pelajar akan lebih bersemangat dan berdaya saing. Seterusnya, pelajar akan mudah membuat kerja dengan teratur dan berupaya menjadi seseorang pemimpin.

RUJUKAN

- Agaibi, Christine. E. and Wilson, John.P. (2005). Trauma, PTSD, and resilience: a review of the literature. *Trauma, Violence, & Abuse*, Vol. 6, No. 3, July 2005 195-216. Sage Publications.
- Armanurah Mohamad, Muhammad Hussin dan Nor aishah Buang. 2014. *Exploring Dimensions of*

- Entrepreneurial Skills among Student Enterprise at Higher learning Institution in Malaysia: A Case of Student Enterprise of University Utara Malaysia. American Research Institute for Policy Development. Vol. 2. No.2 pp37-51.
- Azman Hassan (2014). Daya Tahan, Kualiti Hidup dan Persepsi Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Peruncitan di Negeri Melaka. Kajian Disertasi Phd. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baum, J.R. Locke E.A. & Smith K.G. 2001. A multidimensional model of venture growth *Academy of Management Journal* 44(2): 292-303.
- Benard, B. (1992). Peer programs: A major strategy for fostering esiliency in kids. *The Peer Facilitator Quarterly*, 9, 3.
- Block, D. & Lyons-Ruth. K. 1996. The disturbed caregiving systems: Relations among childhood trauma, maternal caregiving, and infant affect and attachment. *Infant Mental Health Journal* 17: 257-275.
- By, R.T. 2005. Organisational change management. *Journal of Change Management* 5(4): 369-80.
- Cicchetti, D. and Rogosch, F.A. 1997. The role of self-organisation in the promotion of resilience in maltreated children. *Developmental Psychopathology*, 9: 797-815.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* Ed. Ke-2. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education Inc./Merril Prentice Hall.
- Coutu, D. 2000. How resilience works. *Harvard Business Review* 80(5) : 46-51.
- Davidson, R.J. 2000. Affective style, psychopathology and resilience: Brain mechanisms and plasticity. *American Psychologist*, 55: 1196-1214
- Gay, L.R. & Airasian, P. 2003. *Educational research. Ed. ke-7. Upper Saddle River, NJ: Merill.*
- Grotberg, E. , ed. 1995. *A guide to Promoting Resilience in Children: Strengthening The Human Spirit.* B.V.L.: Fondation.
- Khoshaba D.M. & Maddi S.R. 1999. Early Experiences in hardiness development Consulting. *Psychology Journal : Practice and Research* 51: 106-116.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Krovetz, M. (1999). *Fostering resiliency – Expecting all the students to use their minds and hearts well.* Thousand Oaks, CA: Corwin Press Inc.
- Kruglanski, A. (1980). Lay epistemology process and contents. *Psycho- logical Review*, 87, 70 –87.
- Locke, E. A. 1968. Towards a Theory of task motivation and incentives *Organizational Behavior and Human Performance* 3: 157-189.
- Masten, A., Best, K.M. & Garmezy, N. 1990. Resilience and development: Contributions from the study of children who overcome adversity. *Development and Psychopathology* 2(4): 425-555.
- Masten, A. 1994. Resilience in individual development: Successful adaptation despite risk and adversity. Dlm: Wang MC, Gordon EW, editors. *Educational resilience in inner-city America: Challenges and prospects.* Hillsdale: NJ Erlbaum.
- Masten, A. 2001. Ordinary magic: Resilience processes in development. *American Psychologist* 56(3): 227-238.
- Masten, A. & Reed, M. 2002. Resilience in development. In C.R. Synder and S.J. Lopez (e d s) , *Handbook of Positive Psychology.* NY: Oxford University Press.
- Neuman, W.L. 1993. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches.* Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Norris, Fran. H. 2010. Behavioral Science Perspectives on Resilience. Carri Research Report 10. Oak Ridge National Laboratory.
- Pelan Strategik UKM. 2000. Penerbitan University Kebangsaan Malaysia.
- Rauch, A. & Frese, M. 2000. Psychological approaches to entrepreneurial succes: A general model and an overview of finding dalam C.L. Cooper & I.T. Robertson (Eds), *International Psychology* 15: 101-141
- Richardson, G. 2002. The metatheory of resilience and resiliency. *Journal of Clinical Psychology*, 58(3): 307-321.
- Vakola, M., Tsaousis, I. & Nikolaou, I. 2004. The role of emotional intelligence and personality variables on attitudes toward organizational change. *Journal of Managerial Psychology* 18(2): 88-110.
- Werner E.E. and Smith R.S. 1982. *Vulnerable but Invincible: A Study of Resilient Children.* NY: McGraw-Hill.
- Irmohizam Ibrahim
No. 1, Jalan Petalawati 6/2B,
Seksyen 6, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
E-mel: irmohizam@gmail.com
- Muhammad Hussin (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
E-mel: banting 99@hotmail.com